



TATACARA PENGENDALIAN PEPERIKSAAN AKHIR MELALUI PELANTAR eLEAP EXAM

1. PELAKSANAAN

- 1.1 Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan peperiksaan akhir secara dalam talian, pelantar eLEAP EXAM telah dibangunkan khas untuk tujuan peperiksaan sahaja yang mana ia berupaya untuk menampung capaian serentak untuk jumlah pelajar yang besar pada satu-satu masa peperiksaan.

2. KRITERIA PEMILIHAN KURSUS UNTUK PEPERIKSAAN AKHIR

Kursus yang WAJIB dijalankan di dalam platform eLEAP EXAM adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- 2.1 Jenis peperiksaan (*Synchronous* dan *Asynchronous*):
 - a. *Final Exam*
 - b. *Open Book Exam*
 - c. *Take Home Exam*
- 2.2 Tempoh peperiksaan: Kurang daripada satu (1) hari.
- 2.3 Diadakan semasa minggu peperiksaan akhir sahaja.

3. TETAPAN ASAS/BIASA CIRI-CIRI LAMAN PEPERIKSAAN DALAM PELANTAR ELEAP EXAM

- 3.1 Saiz maksimum muat naik dokumen adalah 50MB (dalam pelbagai format).
- 3.2 Fungsi '*self-enrolment*' dinyahdayakan.
- 3.3 Fungsi '*unenroll myself from this course*' dinyahdayakan.
- 3.4 Hanya satu laman dan pautan peperiksaan kursus bagi kesemua kumpulan kuliah.
- 3.5 Hanya fitur *Quiz*, *Assignment*, *Choice*, *Feedback* dan *Forum* sahaja yang disediakan untuk kegunaan peperiksaan.
- 3.6 Semua pensyarah yang mengajar sesuatu kursus didaftar sebagai *Editing Teacher* di dalam halaman peperiksaan kursus yang sama.
- 3.7 Enrolmen pelajar di dalam laman peperiksaan kursus mengikut kumpulan kuliah.
- 3.8 Borang *Student Integrity Declaration* yang telah diseragamkan dengan tetapan asas dan dimasukkan di dalam semua laman peperiksaan sebagai templat.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM)

- 4.1.1 Mengurus penggunaan pelantar eLEAP EXAM di peringkat *front-end*.
- 4.1.2 Menyedia khidmat sokongan pengguna (pensyarah dan pelajar) sebelum, semasa, dan selepas peperiksaan.
- 4.1.3 Menyedia laman peperiksaan (termasuk enrolmen) dalam pelantar eLEAP EXAM berdasarkan senarai dari BPPs.
- 4.1.4 Memaklumkan status kesediaan laman peperiksaan kursus dan enrolmen pelajar kepada pihak fakulti.
- 4.1.5 Menyedia panduan pengguna mengikut keperluan semasa yang mudah dicapai, dibaca, dan dimuat turun.

Untuk pensyarah: <https://is.gd/examgfl>

Untuk pelajar: <https://is.gd/examgfs>

- 4.1.6 Memastikan keselamatan soalan peperiksaan dengan menutup dan *archive* kursus 24 jam selepas peperiksaan berakhir.

4.2 Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat (CITDS)

- 4.2.1 Mengurus pelantar eLEAP EXAM di peringkat *back-end*.
- 4.2.2 Memantau prestasi dan keselamatan sistem sebelum, semasa, dan selepas peperiksaan.
- 4.2.3 Menyelenggara dan menyelesaikan masalah capaian di peringkat *back-end*.
- 4.2.4 Memastikan keselamatan dan sekuriti sistem.

4.3 Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs)

- 4.3.1 Menyelaras jadual peperiksaan.
- 4.3.2 Menyedia butiran peperiksaan seperti senarai kursus pensyarah, pelajar mengikut kumpulan kuliah yang terkini dan rasmi.
- 4.3.3 Memajukan jadual peperiksaan dan butiran kursus (termasuk senarai pelajar) yang terkini kepada pihak CALM selewat-lewatnya 3 minggu sebelum peperiksaan bermula.

4.4 Fakulti

- 4.4.1 Memajukan maklumat muktamad peperiksaan akhir kepada pihak BPPs mengikut proses kerja dan garis masa yang ditetapkan.
- 4.4.2 Memastikan penggunaan borang *Student Integrity Declaration* di dalam setiap laman peperiksaan di dalam pelantar eLEAP EXAM.
- 4.4.3 Memaklumkan butiran laman peperiksaan kursus di dalam pelantar eLEAP EXAM dari pihak CALM kepada para pensyarah.
- 4.4.4 Memastikan keselamatan, integriti, ketelusan, kebolehpercayaan, dan kesahihan soalan peperiksaan yang dimuat naik dalam pelantar eLEAP EXAM.
- 4.4.5 Memastikan senarai pelajar yang layak menduduki peperiksaan adalah sama dengan senarai pelajar yang mendaftar kursus-kursus fakulti.
- 4.4.6 Membuat semakan enrolmen pelajar di dalam laman kursus pada pelantar eLEAP EXAM adalah sama dengan senarai pelajar yang mendaftar dalam kursus berkenaan.
- 4.4.7 Memastikan maklumat peperiksaan akhir dimaklumkan kepada para pelajar dan pensyarah bagi mengelakkan kekeliruan terutama mengenai pelantar peperiksaan akhir (eLEAP atau eLEAP EXAM) yang digunakan.
- 4.4.8 Memastikan maklumat peperiksaan (soalan, jawapan, keputusan, dan borang *Student Integrity Declaration*) disimpan dengan selamat untuk rujukan.

4.5 Pensyarah (Penyelaras/Koordinator Kursus)

4.5.1 Sebelum Peperiksaan

- 4.5.1.1 Kerap berkomunikasi dengan pelajar menerusi e-mel atau medium komunikasi lain (cth., *WhatsApp*, *Telegram*) bagi memastikan kesediaan pelajar untuk menduduki peperiksaan terutama capaian Internet yang stabil.
- 4.5.1.2 Memastikan perkara-perkara berikut dipenuhi:
 - i. Membuat verifikasi akaun (untuk capaian pertama kali) dengan menggunakan alamat e-mel rasmi UNIMAS.

- ii. *Login* ke pelantar eLEAP EXAM dengan menggunakan UNIMAS Identity.
- iii. Laman kursus yang betul dibuka di dalam platform eLEAP EXAM.
- iv. Enrolmen pelajar di dalam sistem adalah berpadanan dengan senarai pensyarah dan/atau senarai pelajar berdaftar.
- v. Pelajar telah membuat verifikasi akaun masing-masing (bagi capaian kali pertama).
- vi. Menyedia dan memaparkan arahan peperiksaan yang jelas. Contoh: Pelajar perlu dimaklumkan sekiranya soalan peperiksaan perlu dijawab secara berturutan (*sequential*) dan tidak boleh dilangkau.
- vii. Menggunakan borang *Student Declaration Form* yang telah disediakan. Pensyarah boleh mengubah penetapan masa atau *timing* bagi aktiviti ini. Aktiviti ini hendaklah ditetapkan untuk dibuka selewat-lewatnya 30 minit sebelum peperiksaan bermula dan disarankan menggunakan fitur *Activity Completion* untuk memastikan pelajar mengisi borang sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.

▼ Activity completion

Completion tracking Show activity as complete when conditions are met

Require view Student must view this activity to complete it

Show as complete when user makes a choice

Expect completed on Enable

- viii. Membina soalan peperiksaan menggunakan fitur yang bersesuaian:-

a. **Quiz**

Timing > Time Expired > Open attempts are submitted automatically

Grade > Attempts allowed > 1

Question behaviour > Shuffle within questions > Yes

Review options – Unchecked semua pilihan (tiada paparan markah, jawapan betul, review jawapan, maklum balas)



pensyarah). Pelajar hanya dapat melihat **Status: Finished** pada paparan mereka. **Restrict Access** boleh digunapakai untuk menghadkan capaian kepada soalan peperiksaan mengikut syarat-syarat tertentu seperti *Activity Completion, Date, User, dan Group*.

▼ **Grade**

Grade category

Grade to pass

Attempts allowed

▼ **Timing**

Open the quiz Enable

Close the quiz Enable

Time limit Enable

When time expires

▼ **Question behaviour**

Shuffle within questions

How questions behave

▼ **Review options**

During the attempt <input checked="" type="checkbox"/> The attempt <input type="checkbox"/> Whether correct <input type="checkbox"/> Marks <input type="checkbox"/> Specific feedback <input type="checkbox"/> General feedback <input type="checkbox"/> Right answer <input type="checkbox"/> Overall feedback	Immediately after the attempt <input type="checkbox"/> The attempt <input type="checkbox"/> Whether correct <input type="checkbox"/> Marks <input type="checkbox"/> Specific feedback <input type="checkbox"/> General feedback <input type="checkbox"/> Right answer <input type="checkbox"/> Overall feedback	Later, while the quiz is still open <input type="checkbox"/> The attempt <input type="checkbox"/> Whether correct <input type="checkbox"/> Marks <input type="checkbox"/> Specific feedback <input type="checkbox"/> General feedback <input type="checkbox"/> Right answer <input type="checkbox"/> Overall feedback	After the quiz is closed <input type="checkbox"/> The attempt <input type="checkbox"/> Whether correct <input type="checkbox"/> Marks <input type="checkbox"/> Specific feedback <input type="checkbox"/> General feedback <input type="checkbox"/> Right answer <input type="checkbox"/> Overall feedback
---	---	---	--

▼ **Restrict access**

Access restrictions

Student match the following

Activity completion


b. Assignment

Fungsi *Restrict Access* boleh digunapakai untuk menghadkan capaian kepada soalan peperiksaan

mengikut syarat-syarat tertentu seperti *Activity Completion, Date, User, dan Group*.

▼ Restrict access

Access restrictions



The screenshot shows a user interface for setting access restrictions. At the top, it says 'Student must match the following'. Below this, there is a list of conditions: 'Activity completion', 'Final Examination Onli', and 'must be marked comp'. There is a small 'x' icon to the right of the list. At the bottom of the interface, there is a button labeled 'Add restriction...'.

* *Fitur Turnitin Assignment* tidak diaktifkan di dalam platform eLEAP EXAM kerana bilangan lesen pelajar yang terhad.

- 4.5.1.3 Menyediakan perancangan alternatif (*back-up plan*) iaitu set soalan dalam format yang berbeza (PDF) yang diemel atau dihantar ke medium komunikasi lain (cth., *WhatsApp, Telegram*) sekiranya terdapat masalah yang menyebabkan peperiksaan gagal diteruskan dalam platform eLEAP EXAM atau kes yang mana terdapat pelajar yang mempunyai masalah capaian Internet.
- 4.5.1.4 Memberi peringatan kepada pelajar yang menetap di luar negara bahawa masa peperiksaan adalah mengikut waktu tempatan (Malaysia).
- 4.5.1.5 Memastikan bahawa pautan kepada aktiviti borang *Student Integrity Declaration* dan Soalan Peperiksaan adalah berfungsi dan sistem boleh diakses tanpa gangguan. Pensyarah boleh merujuk kepada pihak eLEAP Helpdesk, CALM untuk sebarang persoalan atau isu teknikal berhubung penggunaan pelantar eLEAP EXAM.
- 4.5.1.6 Pensyarah boleh merancang proses invigilasi peperiksaan menggunakan kaedah masing-masing (cth., e-mel, *WhatsApp, Telegram* dan sebagainya).

4.5.2 Semasa Peperiksaan

- 4.5.2.1 Merekod dan memantau kehadiran dan penyertaan pelajar menggunakan kaedah bersesuaian. Boleh menggunakan borang *Student Integrity Declaration* sebagai bukti kehadiran.
- 4.5.2.2 Bersiap sedia (*stand-by*) sekurang-kurangnya 30 minit sebelum dan selepas masa peperiksaan bagi memastikan isu dan masalah teknikal dapat dikendalikan dengan pantas.
- 4.5.2.3 Memastikan semua pelajar boleh mengisi borang *Student Integrity Declaration* dan mula menjawab soalan tepat pada masa ditetapkan. Pensyarah boleh memantau aktiviti pelajar secara masa nyata bagi peperiksaan berjenis segerak (*Synchronous*).
- 4.5.2.4 Sekiranya wujud isu teknikal, pensyarah boleh menukar masa peperiksaan bermula dan berakhir. Pensyarah boleh mengguna pakai fungsi *Group/User Overrides* bagi kes pelajar / kumpulan pelajar tertentu yang perlu memulakan peperiksaan pada masa berlainan atau diberi tambahan masa sekiranya perlu dengan mengambil kira aspek kepantasan capaian internet atau peralatan (*device*) bermasalah. Adalah penting untuk pensyarah mengenal pasti pelajar yang memiliki masalah teknikal berkenaan.

4.5.3 Selepas Peperiksaan

- 4.5.3.1 Memastikan bahawa jumlah jawapan yang diterima di dalam sistem adalah berpadanan dengan jumlah pelajar yang hadir.
- 4.5.3.2 Muat turun *Results* dan *Responses* jawapan pelajar sejurus selepas peperiksaan berakhir dan disimpan dengan selamat dan cermat.
- 4.5.3.3 Membuat *backup* kepada aktiviti Quiz di bahagian *Quiz Administration > Results > Archive > Control+P (Microsoft Print to PDF)*
- 4.5.3.4 Memastikan keselamatan dan integriti soalan peperiksaan terjamin.
- 4.5.3.5 Memastikan maklumat peperiksaan (soalan, jawapan, keputusan, dan borang *Student Integrity Declaration*) disimpan dengan selamat untuk rujukan.

4.6 Pelajar

4.6.1 Sebelum Peperiksaan

- 4.6.1.2 Bersifat proaktif dan sentiasa mengemaskini diri dengan maklumat terkini berhubung peperiksaan yang disampaikan oleh pihak fakulti dan pensyarah. Rujuk fitur *Upcoming Exams* pada *Dashboard* eLEAP EXAM untuk kalendar peperiksaan.
- 4.6.1.3 Membuat verifikasi akaun (untuk capaian pertama kali) dengan menggunakan alamat e-mel rasmi UNIMAS.
- 4.6.1.4 *Login* ke pelantar eLEAP EXAM dengan menggunakan UNIMAS Identity.
- 4.6.1.5 Mengemaskini butiran e-mel (e-mel rasmi UNIMAS) dan nombor telefon yang aktif dan boleh dihubungi bagi memastikan komunikasi dengan pensyarah berjalan lancar. Sila maklumkan kepada pensyarah kaedah komunikasi yang paling mudah.
- 4.6.1.6 Menyemak status enrolmen di dalam kursus yang dijadualkan di dalam pelantar eLEAP EXAM berpadanan dengan senarai kursus yang telah didaftarkan di dalam modul *Course Registration Slip* pada pelantar e-Student.
- 4.6.1.7 Menyemak senarai kursus yang diambil, tarikh peperiksaan dan pelantar peperiksaan bagi setiap kursus (eLEAP EXAM atau eLEAP) adalah betul mengikut jadual yang dikeluarkan oleh pihak BPPs dan fakulti.
- 4.6.1.8 Memaklumkan masalah capaian internet atau teknikal lain yang dihadapi agar pensyarah boleh merancang peperiksaan dengan lebih baik.
- 4.6.1.9 Mengisi borang *Student Integrity Declaration* yang disediakan di dalam laman peperiksaan bagi setiap kursus.
- 4.6.1.10 Memahami terma-terma dalam borang *Student Integrity Declaration* dan membuat pemilihan pematuhan.

4.6.2 Semasa Peperiksaan

- 4.6.2.1 Mematuhi terma-terma dalam borang *Student Integrity Declaration*.
- 4.6.2.2 Memastikan klik pada pautan kursus dan soalan yang betul mengikut kaedah atau jenis soalan yang disediakan oleh pensyarah.
- 4.6.2.3 Membaca dan memahami arahan peperiksaan dengan teliti.
- 4.6.2.4 Menjawab soalan dalam tempoh masa ditetapkan. Pelajar harus peka akan tempoh masa ditetapkan dan menggunakan fungsi '*Flag*' bagi soalan yang sukar dijawab untuk dijawab kemudian.
- 4.6.2.5 Semak semua jawapan sebelum menekan butang '*Submit all and finish*'. Jawapan pelajar akan terus dihantar secara automatik kepada sistem untuk pemarkahan sekiranya tempoh masa telah tamat.
- 4.6.2.6 Memaklumkan terus kepada pensyarah sebarang masalah dihadapi beserta bukti (gambar/tangkapan skrin) sama ada menerusi e-mel atau *WhatsApp* dalam tempoh peperiksaan untuk pertimbangan pensyarah.

4.6.3 Selepas Peperiksaan

- 4.6.3.1 Memajukan bukti (gambar/tangkapan skrin) kepada pensyarah untuk jawapan-jawapan yang dikhuatiri tidak disimpan di dalam sistem.
- 4.6.3.2 Pelajar dibenarkan untuk menghantar jawapan ke pelantar yang berlainan sekiranya terdapat masalah untuk membuat penghantaran menerusi pelantar eLEAP EXAM mengikut arahan pensyarah.
- 4.6.3.3 Pelajar yang mempunyai masalah capaian juga boleh menduduki peperiksaan pada masa/tarikh lain mengikut budi bicara pensyarah.
- 4.6.3.4 Memastikan keselamatan dan integriti soalan peperiksaan terjaga dan dipatuhi dengan tidak memuat naik atau berkongsi soalan peperiksaan di luar pelantar eLEAP EXAM.

Tatacara Pengendalian Peperiksaan Akhir Melalui Platform eLEAP EXAM hendaklah dibaca bersama dokumen-dokumen berikut:

- i. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Versi 6.3, CITDS (2020)
- ii. UNIMAS *Guideline for Alternative Assessment*, PPPA (2020)
- iii. UNIMAS *Online Teaching Guideline (First Edition)*, CALM (2020)
- iv. Dasar e-Pembelajaran UNIMAS No: EL002, CALM (2018)